

**PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PEJAWAT AWAM
BERKENAAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972**

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah sesuatu benda rahsia, tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu benda rahsia adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta itu, yang boleh membawa kepada hukuman penjara tidak lebih daripada (7) tujuh tahun atau denda tidak lebih daripada (RM10,000) sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.

Saya faham bahawa segala maklumat rasmi yang saya perolehi dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia , adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan , sama ada secara lisan atau bertulis , kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk , kecuali pada masa menjalankan kewajipan -kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani suatu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan perkhidmatan kerajaan.

Nama:..... Tandatangan:.....
(Huruf Besar)

Jawatan:..... Tarikh:.....

Disahkan oleh:..... Tarikh:.....